

30 JAN 2003

Mahathir-Iraq

KENYATAAN BUSH MENGENAI HUBUNGAN IRAQ DAN AL-QAEDA TAK YAKINKAN
MALAYSIA

ALOR GAJAH, 30 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kenyataan Presiden George W Bush kononnya Amerika Syarikat mempunyai bukti baru mengenai kaitan Iraq dengan pertubuhan Al-Qaeda belum dapat meyakinkan Malaysia.

"Kita belum convince (yakin)," kata Perdana Menteri ketika diminta mengulas kenyataan Bush itu yang dibuat dalam ucapan tahunannya kepada Kongres Amerika.

Pemimpin Amerika Syarikat itu dilaporkan mendesak Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu supaya bersidang pada 5 Feb ini bagi membolehkan Setiausaha Negara Amerika, Colin Powell membentangkan kes Amerika terhadap Iraq. Beliau mendakwa perisikan Amerika berjaya membongkar hubungan erat antara Iraq dan Al-Qaeda.

Dr Mahathir yang ditemui pemberita selepas merasmikan Kilang Kereta Honda di Kawasan Perindustrian Pegoh di sini, berkata kebanyakan negara di dunia telah menyatakan, termasuk pada Forum Ekonomi Dunia di Davos, Switzerland baru-baru ini dan tempat-tempat lain bahawa belum terdapat cukup bukti untuk menunjukkan Iraq terlibat dengan Al-Qaeda atau memiliki senjata pemusnah.

"Kita sama-sama dengan majoriti negara-negara lain di dunia...bukan kita anti-Amerika. Tidak. Jika mereka dapat yakinkan kita, kita akan bersama mereka seperti dalam kes memerangi keganasan, kita sedia bekerjasama dengan mereka," katanya.

Ketika diminta mengulas kenyataannya pada Ahad lepas bahawa ada baiknya sesetengah pemimpin Umno berundur bagi membolehkan pengganti beliau "mengatur semula segala-galanya", Dr Mahathir berkata beliau tidak bermaksud meminta mereka berbuat demikian sekarang, tetapi untuk pilihan raya akan datang.

"(Apa yang) saya kata...berundur dan serahkan kepada ketua baru untuk memilih orangnya," kata Perdana Menteri.

Ketika ditanya sama ada ia meliputi anggota kabinet, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN, berkata : "Semua orang...untuk pilihan raya akan datang."

Kepada soalan mengenai rusuhan oleh lebih 300 pelatih Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di Dusun Tua dua hari lepas, Perdana Menteri berkata ia menunjukkan mereka itu belum cukup berdisiplin.

"Orang ini sepatutnya kita nak ajar dia tentang disiplin. Tak boleh cara-cara begini (rusuhan) berlaku di tempat yang diwujudkan untuk kepentingan mereka," katanya.

-- BERNAMA

SBS NO KHY MAI